

16/09/2004

Ahli Umno tidak harus utamakan individu: Dr M

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata perkara yang paling dikhuatirinya melanda Umno dalam jangka panjang ialah perpecahan jika ahli lebih mengutamakan sokongan kepada individu dan bukannya kepada parti itu sendiri.

Dr Mahathir yang juga bekas Presiden Umno berkata, soal memberikan keutamaan kepada individu tidak sepatutnya berlaku dalam Umno.

"Sebab itu saya berkali-kali mengulangi supaya jangan ada `personality cult' (dalam Umno). Jangan kata orang ini begitu baik, kalau dia tak ada dalam parti, tak gunalah saya ada dalam parti. Tak boleh macam itu," katanya dalam satu temu bual dengan Bernama di sini, semalam.

Dalam wawancara itu, Dr Mahathir yang melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden parti Oktober tahun lalu, mengutarakan pendapatnya berhubung kedudukan parti tonggak Melayu itu yang akan mengadakan pemilihan pucuk pimpinan minggu depan.

Beliau menasihatkan ahli Umno supaya memahami konsep demokrasi dalam politik dan merapatkan kembali saf apabila pemilihan itu selesai.

"Kita sebenarnya tidak faham politik demokrasi. Bila kita bertanding, kita mesti bersikap sebagai gentleman, kita tidak cuba memecahkan parti untuk mendapat sokongan.

"Dan apabila keputusan dibuat, kita rapatkan balik barisan, dengan yang bertanding menerima keputusan dan bekerjasama dengan orang yang menang. Itulah cara demokrasi," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, berdasarkan pengalaman lalu, perkara sebaliknya berlaku dengan mereka yang kalah meluahkan perasaan marah tidak berkesudahan.

"Kita nampak kalau kalah, marah tak habis-habis, nak bawa ke mahkamah, nak tarik ke sebelah penyokong kita supaya tak menyokong (pihak lawan) dan kadang-kadang menimbulkan masalah kepada parti. Itu bermakna kita tak faham demokrasi.

"Demokrasi, ya, bertandinglah. The best man wins. Kalau orang pilih orang tu, dia the best man (yang terbaik) dan kita mesti sokong dia. Selepas itu, kita kerjasama balik dalam parti, jangan pecahkan parti," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan perasaan sedih kerana masalah politik wang dan penyalahgunaan kuasa masih kedengaran menjelang pemilihan itu.

Katanya, gejala itu lahir daripada sistem demokrasi itu sendiri yang memberikan kuasa kepada orang biasa.

"Dan mereka tidak tahu guna kuasa. Sepatutnya kuasa itu digunakan untuk memilih pemimpin yang baik dan bukan kerana lain-lain sebab.

"Tetapi malangnya mereka yang lemah membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh rasuah," katanya.

Beliau menyifatkan masalah rasuah di Malaysia sebagai sesuatu yang berlaku `di bawah meja', tidak seperti di sesetengah negara lain di mana rasuah dibuat `di atas meja'.

"Di bawah meja, kita boleh betulkan tapi kalau sudah naik atas meja, semua orang terbabit sehingga yang di atas, ia tidak boleh nak ubat lagi.

"Sebab itu kita kena ajar betapa buruknya rasuah dan kenapa ia buruk ialah kerana ia membabitkan kos. Semua yang nak dilakukan oleh kita akan mempunyai perbelanjaan tambahan kerana rasuah, apa-apa (urusan) juga," katanya.

Dr Mahathir berkata, tanpa rasuah seseorang itu akan lebih dipercayai

dan dalam konteks negara, lebih banyak pelabur tertarik untuk melabur dalam sesebuah negara yang bebas daripada rasuah.

"Kalau ada rasuah, semuanya tergendala, lambat," katanya.

Beliau berkata, ada pihak yang berpendapat dengan menggunakan sedikit sogokan, mereka akan mendapat tempat dan seterusnya menjadi pembesar dan sebagainya.

(END)